

Tingkah laku Dan Reaksi Masyarakat Terhadap Keputusan Fatwa Berdasarkan Kirkpatrick Model Of Evaluation

Kamarudin Ahmad¹, Solahuddin Abdul Hamid, Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan, Azman Md Zain, Mohd Nizho Abdul Rahman, Zulhilmi Paidi

ABSTRAK

Fatwa boleh diertikan sebagai suatu jawapan hukum yang dikemukakan sebagai respon kepada persoalan yang diajukan oleh masyarakat. Ertinya fatwa datang dari masyarakat dan mereka juga akan terlibat dalam menerima serta mengamalkan fatwa tersebut. Oleh itu, masyarakat harus menerima dan memahami setiap keputusan fatwa yang disampaikan. Kesiediaan masyarakat menerima setiap fatwa juga adalah amat penting. Kertas kerja ini akan melihat penerimaan masyarakat terhadap sesuatu fatwa samada ia dapat memberi keyakinan kepada mereka. Kerana, sunguhpun sesuatu fatwa itu berautoriti atau sah dari aspek teori perundangan Islam dan diyakini oleh masyarakat akan kesahihan dan ketepatannya mengikut hukum Islam, namun terdapat segelintir masyarakat mempersoalkan tentang keberkesannya. Malahan terdapat juga dalam kalangan masyarakat awam yang mempertikai dan mempersenda fatwa yang dikeluarkan.

Pendahuluan

Fatwa adalah suatu jawapan hukum sebagai respon kepada persoalan yang diajukan. Setiap fatwa adalah merupakan hasil tindakan yang berlaku dalam masyarakat. Ertinya ia adalah berasaskan realiti sebenar. Selain itu, fatwa memainkan peranan yang cukup besar dalam menjelaskan dan memahamkan umat Islam tentang persoalan hukum syarak serta menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam sesebuah masyarakat. Ia juga adalah jawapan kepada persoalan hidup yang memerlukan penyelesaian dari aspek agama (Ibn Solah, 1992; Qardhawi, 1997).

Persoalan kajian

Persoalannya, bagaimanakah kesiediaan dan penerimaan masyarakat terhadap setiap fatwa yang dikeluarkan? Adakah mereka yakin dan mengamalkan setiap fatwa atau mereka mencari alternatif lain? Fatwa yang baik belum tentu dapat diterima dan diamalkan dalam masyarakat jika mereka menolak, tidak yakin atau mempunyai fatwa lain yang lebih meyakinkan mereka. Umpamanya, mereka merujuk kepada pandangan ulama luar negara. Sehubungan itu, objektif

¹ Kamarudin Ahmad, PhD, Universiti Utara Malaysia, kama@uum.edu.my

kajian ini adalah untuk mengkaji penerimaan masyarakat terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan berasaskan Kirkpatrick Model of Evalution.

Pernyataan Masalah

Setiap keputusan fatwa disebarikan kepada masyarakat. Persoalannya, adakah ia dapat memberi keyakinan kepada masyarakat akan kesahihan dan ketepatannya mengikut hukum Islam kerana terdapat masyarakat mempersoalkan sesetengah keputusan fatwa. Setiap fatwa belum tentu dapat diterima dan diamalkan dalam masyarakat jika mereka menolak, tidak yakin atau mempunyai fatwa lain yang lebih meyakinkan mereka. Malahan, terdapat juga masyarakat awam mempertikai dan mempersenda fatwa yang dikeluarkan. Terdapat banyak contoh memperlihatkan fatwa tidak diterima dan dipertikaikan, antaranya fatwa mengenai ESQ, fatwa tarian poco-poco, fatwa yoga, fatwa sambutan Hari Kekasih, fatwa kongsi raya dan fatwa pengkid. Fatwa-fatwa ini tidak sahaja dipertikai malah fatwa mengenai ESQ yang diharamkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh pada 10 Jan 2010 telah dicabar di mahkamah (Zainul Rijal, <http://zainulrijal.abubakar.my>). Malahan, pihak ESQ tetap meneruskan aktiviti mereka dan Pengurus Besar ESQ, Mahani Yusuf mempertikaikan pengharaman tersebut dengan menyatakan fatwa itu dikeluarkan secara umum tanpa memperincikan setiap dakwaan (Berita Harian, 9 Julai 2010).

Secara ringkasnya, sepatutnya fatwa harus diterima dengan baik oleh semua pihak kerana ia dihasilkan melalui penyelidikan dan perbincangan oleh para ulama dengan penuh ketelitian. Kesimpulannya, fatwa sepatutnya berperanan menghuraikan permasalahan yang timbul supaya umat Islam berada di landasan yang betul dan boleh diamalkan dalam masyarakat. Namun, terdapat masyarakat menolak malahan mempertikaikan fatwa yang dikeluarkan. Oleh itu, daripada pelbagai persoalan tersebut, maka kajian ini cuba mencari jawapan melalui analisis yang dilakukan.

Objektif kajian

Berdasarkan kepada pelbagai permasalahan yang terdapat dalam penerimaan fatwa sepertimana yang telah dikemukakan sebelum ini, penulisan ini akan berkisar kepada persoalan utama iaitu, Apakah bentuk penerimaan masyarakat terhadap fatwa yang

dikeluarkan. Manakala objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penerimaan masyarakat terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan.

Kirkpatrick Model of Evalution

Secara ringkas kajian yang akan dibuat adalah berasaskan keperluan untuk mengetahui bagaimana penerimaan masyarakat terhadap sesuatu permasalahan hukum yang ditanya kepada pihak bertanggungjawab. Kajian berbentuk eksplorasi adalah untuk mengenalpasti penerimaan masyarakat terhadap inventori fatwa yang telah dikeluarkan oleh jabatan mufti negeri dengan mengadaptasi model “Kirkpatrick Model of Evalution” yang telah dibangunkan oleh Donald L. Kirkpatrick (1959) dengan menggunakan empat peringkat pengkategorian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkahlaku dan hasil. Penulisan ini hanya melihat tingkahlaku dan reaksi masyarakat terhadap keputusan fatwa yang dicapai melalui sebaran media sahaja. Tahap reaksi Menurut Kirkpatrick, adalah penting untuk mendapatkan bukan sahaja reaksi tetapi untuk mendapatkan reaksi yang positif, manakala tahap tingkahlaku untuk melihat sejauhmana masyarakat terkesan dengan sesuatu fatwa. Secara ringkangnya, kertas ini belum melihat penerimaan masyarakat sepenuhnya melalui soal selidik yang masih dalam peringkat penjanaaan atau permulaan.

Kajian lepas

Terdapat banyak kajian tentang fatwa dan ia boleh dikategorikan kepada: pertama, kajian umum tentang fatwa; kedua, pengkaedahan fatwa; dan ketiga, penulisan dan persembahan fatwa. Pertama, kajian umum tentang fatwa banyak dilakukan oleh sarjana Islam dalam dan luar negara. Antaranya karya Osman Ishak ((1981) bertajuk *Fatwa dalam Perundangan Islak* dan sebuah buku bertajuk *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean* suntingan Dato’ Dr. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid (1998). Selain itu, terdapat buku hasil suntingan Ahmad Hidayat Buang (2004) berjudul *Fatwa di Malaysia*. Tumpuan utama buku ini adalah berkaitan realiti pentadbiran, pengurusan, aspek-aspek sosial dan hukum yang menyentuh fatwa di Malaysia. Manakala Mahmud Saedon (1996) turut menghasilkan *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam* yang menyarankan agar fatwa yang dikeluarkan hendaklah berdasarkan hujah dan dalil syarak.

Dalam konteks luar negara, terdapat perbincangan oleh sarjana Islam seperti Imam al-Nawawi (1987) dengan kitabnya *Adab al-Fatwa*, Imam al-Qarafi (1976) dengan *al-Ahkam Fi Tamyiz Min al-Ahkam*, al-Khatib al-Baghdadi dengan *al-Faqih Wa al-Mufaqqih* dan Ibn Qayyim (1996) dengan kitabnya *A'lam al-Muwaqqi'in An Rab al-Alamin*. Selain itu, Jamal al-Din al-Qasimi (1986) dengan karyanya *al-Fatawa Fi al-Islam* dan al-Zibari (1995) dengan *Mabahith Fi Ahkam al-Fatwa*.

Kedua, kajian tentang pengkaedahan fatwa telah ditulis oleh Nor Naemah Abd Rahman (2003), Wan Abd Rahman Khudzri (2006) dan Mat Jahya Hussin (1999). Selain itu, terdapat juga kajian mengenai fatwa khusus kepada negeri oleh Mat Jahya Hussin (1999) dan Mohd Akram Dahaman (2005) yang khusus kepada negeri Perlis sahaja. Begitu juga, Sidi Ahmad Abdullah (1986) turut mengupas isu fatwa dari sudut perundangan *fiqh* dan amalannya di Malaysia dalam disertasi sarjana beliau yang bertajuk *A Preliminary Outline of Fatwa in Malaysia, 1960-1982*. Terdapat juga kajian oleh Alias Azhar (2001) yang dilakukan di negeri Kedah.

Ketiga, dari sudut penulisan dan persembahan fatwa dimana terdapat karya seperti Yusuf Qardhawi (1990) dan al-Haithami (1989). Al-Qardhawi umpamanya, mengariskan kaedah-kaedah yang perlu dipraktikkan dalam setiap penulisan fatwa. Selain itu, terdapat juga artikel-artikel tentang metod penulisan fatwa seperti Daud Bakar (1997) yang bertajuk *Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam*. Beliau menyatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan hendaklah dinyatakan alasan dan penghujahan yang sempurna seperti mana yang dilakukan oleh pihak hakim di mahkamah supaya fatwa itu dapat diterima dengan penuh keyakinan. Selain itu, Dr. Zalikha Md Nor (2002) dengan karyanya bertajuk *Pembuatan dan Penulisan Fatwa di Malaysia* pula membincangkan persoalan teknikal bagaimana fatwa dikeluarkan mengikut *fiqh* Islam seperti kaedah menjawab soalan fatwa dan cara menulis jawapan fatwa.

Tingkahlaku dan reaksi masyarakat terhadap fatwa

Secara umumnya masyarakat menyedari kewujudan fatwa. Tingkahlaku dan reaksi mereka boleh dinilai berdasarkan umpamanya, komentar mereka terhadap setiap keputusan fatwa dinyatakan secara terang melalui media moden kini. Berikut beberapa contoh kedudukan fatwa dipertikai dalam media sosial.

Tahun	Tajuk	Tarikh	Sumber
1	Isu Pokemon		
2	Isu Fatwa Pulau Pinang		
3	Kenyataan Mufti Pahang		
4	Pembesar Suara		
5	Isu GST-kerajaan sentiasa rujuk fatwa sebelum melaksanakan sesuatu dasar		
6	Isu Pegang Anjing		
7	Isu SIS		
8	Isu Institusi Mufti dipersenda		
9	Isu Lindungi Mufti; Lindungi institusi mufti dari dipertikai masyarakat, saran Mahmood Zuhdi		
10	Isu Ratu Cantik		
11	Isu Bersih		

Berikut dinyatakan beberapa isu yang dimuat dalam media sosial dan boleh dilayari oleh segenap lapisan masyarakat Islam:

1. Isu Pokemon

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata umat Islam tidak wajar meremehkan pandangan atau fatwa dikeluarkan terutama di media sosial walaupun mereka tidak bersetuju dengannya ketika ditanya mengenai isu Pokemon Go. "Pandangan Mufti Wilayah Persekutuan berkaitan permainan Pokemon Go bukan dibuat secara semborono kerana ia melibatkan prinsip Islam dan penyelidikan secara holistik sebelum fatwa tersebut dikeluarkan,"

Kenyataan ini dikeluarkan ekoran kenyataan Mufti, Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, dilaporkan berkata karektor Pokemon dan aplikasi permainan Pokemon Go tidak dibenarkan untuk umat Islam atas faktor 'masalah' dan kemudaratannya. Keputusan itu, katanya, hasil mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada 1 Ogos.

Asyraf Wajdi berkata sebagai umat Islam, mereka yang terlibat perlu mempunyai cara yang lebih terhormat dalam menyatakan pendapat. Bukan meremeh sesuatu perkara seperti yang terjadi dalam isu ini di media social. Beliau seterusnya berkata, "Mufti telah memberikan pandangan dan hukum agama maka kita hormatlah ia walaupun ia tidak diwartakan sebagai fatwa dan tidak ada kuasa perundangan". Tambahnya lagi "Hari ini ada kecenderungan muncul ustaz segera di Facebook, WhatsApp dan Instagram yang mengeluarkan pelbagai 'fatwa' baharu yang tidak berasas dan ia boleh mewujudkan keadaan kelam-kabut," katanya.

2. Isu fatwa di Pulau Pinang

Pas memberi amaran kepada DAP supaya tidak mencampuri proses fatwa. Ketua Penerangan Dewan Ulamak Pas Pusat, Datuk Dr Khairuddin Aman Razali berkata, campur tangan sebuah kerajaan khususnya yang diketuai oleh bukan Islam terhadap fatwa adalah satu penghinaan terhadap agama Islam. Katanya, "Kami mahu kerajaan Pulau Pinang yang dipimpin Ketua Menteri, Lim Guan Eng supaya tidak lagi campur tangan dalam urusan fatwa-fatwa negeri sebagaimana berlaku sebelum ini melibatkan fatwa penggunaan kalimah ALLAH dan lain-lain.

"Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri P.Pinang) 2004 jelas menuntut fatwa negeri Pulau Pinang terus dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam Pulau Pinang dan bukannya kepada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Guan Eng terlebih dahulu," katanya dalam kenyataan hari ini. Hal ini timbul kerana Abdul Malik Kassim Exco Agama Islam meminta supaya perkara itu dibincangkan semula agar keputusan Jawatankuasa Fatwa selari dengan pendirian kerajaan negeri pimpinan DAP ketika itu yang tidak bersetuju dengan fatwa kalimah ALLAH.

3. Isu kenyataan Mufti Pahang

Kenyataan mufti Pahang diulas oleh Ustaz Ahmad Awang, Penasihat Umum Parti Amanah Negara (Amanah) dakwaan kononnya umat Islam yang bekerjasama dengan DAP adalah 'haram serta berdosa besar' hanyalah tuduhan bersifat peribadi bukannya fatwa. Ahmad membidas kenyataan Mufti Pahang Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman semalam, bahawa mana-mana umat Islam yang bekerjasama atau bersekongkol dengan DAP adalah haram serta

berdosa besar. "Itu pendapat peribadinya (Abdul Rahman) bukan fatwa. Cakap politik sajalah. Jika dia nak cakap begitu, kenalah tanya kepada kami (Amanah) atau DAP sendiri.

Ahmad yang juga bekas Presiden Persatuan Ulama Malaysia (PUM) menjelaskan, maksud kafir harbi itu ialah orang kafir yang tidak mahu patuh dan tunduk dengan pemerintahan Islam di sebuah negara Islam. Namun katanya, di Malaysia belum lagi dilaksanakan pemerintahan Islam yang sebenar. Oleh itu untuk melabelkan DAP itu sebagai kafir harbi dan orang yang bekerjasama atau bersekongkol dengan DAP adalah haram dan berdosa besar adalah tidak wajar sama sekali. Tambahnya lagi, "Dia tidak faham apa sebenarnya. Jika dia nak keluarkan fatwa kena panggil pakar di kalangan profesional dan ulama untuk teliti sedalam-dalamnya dasar parti DAP itu untuk melabelkan pemimpin parti itu sebagai kafir harbi.

4. Isu Pembesar Suara

Apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang ialah larangan menggunakan pembesar suara di luar masjid untuk selain azan dan iqamah. Ini bermaksud azan dan iqamah dibenarkan untuk menggunakan pembesar suara. Namun terdapat komen sebahagian umat Islam yang menuduh azan tidak lagi dibenarkan menggunakan pembesar suara adalah sangat jauh tersasar. Ini menunjukkan akhlak buruk sebahagian kita yang sering tergopoh-gapah dan menulis komen di laman sosial menurut hawa nafsu kita sehingga memfitnah jawatankuasa fatwa.

5. Isu GST

Kerajaan sentiasa merujuk fatwa yang dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam sebelum melaksanakan sesuatu dasar. Sehubungan itu, pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST), kira-kira tiga tahun lalu turut merujuk kepada jawatankuasa berkenaan. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, Ketika ditanya mengenai kenyataan pemimpin Pas yang mengatakan jawatankuasa tersebut tersilap mengeluarkan fatwa mengenai GST. Kerajaan merujuk kepada jawatankuasa tersebut yang mengeluarkan fatwa (mengenai GST) pada tahun 2014," Ini kerana katanya, jawatankuasa itu telah mengambil kira pelbagai aspek, dari sudut kebaikan dan keburukan sebelum mengeluarkan sesebuah fatwa.

“Sesebuah fatwa akan dikeluarkan secara kolektif dan bukannya bersifat individu. Perbincangan mengenai GST ini mengambil kira pelbagai pandangan, termasuk daripada pakar kewangan,” katanya. Justeru itu, Asyraf meminta semua pihak menghormati fatwa yang sudah diputuskan oleh jawatankuasa tersebut berhubung pelaksanaan GST.

6. Isu pegang anjing

"Kita bayar zakat tidak mengikut mazhab Syafie, kenapa kita tidak marah?" soal Pengerusi Pertubuhan Muttaqa Asatizah dan Pendakwah Malaysia (Murshid), Dr Zaharudin Abdul Rahman. Menurutnya, masyarakat terus menjatuhkan pelbagai hukum kepada penganjur kempen sentuh anjing hingga tersasar seolah-olah menganggap hanya mazhab Syafie satu-satunya aliran dalam Islam. "Kita seolah terlepas daripada sasaran sehingga mazhab Syafie kita anggap seperti itulah satu-satunya Islam. Sedangkan bayar zakat tidak pakai mazhab Syafie. Sah pula zakat kita".

"Pergi haji, tersentuh lelaki perempuan, mazhab Syafie kata batal wuduk (ketika haji), tiba-tiba Tabung Haji buat fatwa tak batal. Boleh pula? Tak murtad pula? Tak hina Islam pula? Kenapa tak konsisten kefahaman itu? Ini satu kesalahan yang perlu kita dedahkan.

"Mazhab Maliki kata boleh sentuh anjing. Nak peluk atau nak cium pun boleh. Air liurnya pun harus dan suci. Kita bukan nak suruh tapi nak bagi toleransi," katanya dalam temubual eksklusif bersama Sinar Harian Online pada Konvensyen Fiqh Rasulullah SAW, di sini, hari ini. Sebelum ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan, menyentuh dan memegang anjing adalah bersifat melawan arus perdana umat Islam di negara ini yang berpegang kepada mazhab Syafie.

Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan tiada keperluan untuk mengeluarkan fatwa baharu berkaitan hukum menyentuh anjing kerana perkara itu jelas haram kepada seluruh umat Islam. Pengerusinya, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, seharusnya hukum tersebut tidak diperdebatkan sehingga mengundang pelbagai andaian dan perbalahan dikalangan masyarakat.

7. Isu SIS

Sisters in Islam (SIS) mempertikaikan asas fatwa yang mengharamkan pertubuhan mereka oleh Jawatankuasa Fatwa Selangor. Pengarah Eksekutif SIS, Ratna Othman berkata, sejak 2003, pertubuhan itu terbukti sudah membantu secara percuma hampir 10,000 wanita Muslim yang datang untuk mendapatkan khidmat perundangan. Katanya "Bagaimana aktiviti yang mencerminkan belas kasihan dan kebaikan dalam Islam serta meningkatkan kesedaran wanita tentang keadilan boleh dianggap sesat dan menyeleweng?"

Isu ini timbul apabila pada Julai 2014, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengisytiharkan SIS dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman "liberalisme" dan "pluralisme" agama sebagai sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam. SIS kemudiannya membuat semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berhubung perkara berkenaan. Dalam semakan kehakiman tersebut, SIS menamakan Jawatankuasa Fatwa Selangor, MAIS dan kerajaan Selangor sebagai responden, mahu membatalkan pengisytiharan fatwa itu dan mahu diiktiraf sebagai badan yang dijamin mengikut Akta Syarikat 1965 dan tidak terikat dengan fatwa itu. Katanya lagi "Jawatankuasa Fatwa tidak memberi sebarang justifikasi kenapa fatwa itu dikeluarkan dan menerangkan apa yang dimaksudkan "liberalisme", "pluralisme" serta apakah yang dianggap sebagai bertentangan dengan "ajaran Islam dan Hukum Syarak". Tambahnya lagi "Fatwa haram kepada SIS juga melanggar hak asasi kebebasan bersuara, bersekutu dan agama seperti yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah meminta umat Islam supaya tidak tergesa-gesa mengkritik fatwa yang telah dikeluarkan tanpa memahami perkara itu dengan sepenuhnya. Baginda bertitah umat Islam perlu bersatu dan berpadu fikiran untuk memahami segala ajaran Islam dan ia perlu mengatasi ideologi dan kepentingan politik. "Beta menyatakan demikian supaya tidak mahu wujud sebarang pertelagahan dan perbalahan sesama umat Islam dalam pelaksanaan urusan agama sehingga maruah agama Islam jatuh, mudah dipersenda dan dipertikai pihak yang tidak bertanggungjawab," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Kanun Jenayah Syariah di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri di sini. Baru-baru ini, Sisters In Islam (SIS) dilaporkan mahu memohon semakan kehakiman mengenai

fatwa Majlis Agama Islam Selangor (Mais) yang mengisytiharkan pertubuhan itu membawa fahaman sesat iaitu liberalisme dan pluralisme.

8. Institusi mufti dipersenda

Baru ini heboh diviralkan seorang pengamal undang-undang mempersoalkan kedudukan mufti seolah-olah mufti mempunyai kuasa yang mutlak membuat hukum. Kedudukan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti dan diwartakan oleh pihak kerajaan pernah dicabar di mahkamah beberapa tahun lalu. Dalam kes Sulaiman Takrib melawan Kerajaan Negeri Terengganu, Mahkamah Persekutuan telah dihujahkan bahawa fatwa-fatwa mufti yang telah diwartakan itu adalah tidak berperlembagaan dan terbatal. Ini adalah kerana institusi kefatwaan didakwa tidak mempunyai kuasa legislatif dalam membuat undang-undang.

Pada masa ini masyarakat sudah tidak segan silu mempertikai dan mempersenda fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh para mufti. Gambaran yang diberikan mufti mengeluarkan fatwa secara semberono dan tidak ada kajian dilakukan. Apabila ahli jawatankuasa fatwa membuat keputusan secara sebulat suara, hanya mufti sahaja yang menjadi sasaran kritikan seolah-olah mufti secara berseorangan membuat fatwa tersebut.

Sebenarnya jika seseorang itu tidak bersependapat dengan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti ataupun pandangannya, forum yang sesuai untuk membincangkan pandangan tersebut bukanlah melalui media. Sepatutnya orang yang tidak bersependapat tersebut hendaklah mengumpulkan segala bukti dan dalil yang menyokong pandangannya serta berdialog dengan ahli jawatan kuasa fatwa bagi mencari jalan penyelesaiannya.

Namun yang sedihnya fatwa sering dijadikan objek cemuhan khususnya apabila sesuatu fatwa itu diuji dengan parameter hak asasi manusia. Apabila sesuatu hak asasi manusia itu dilihat tidak selari dengan fatwa, maka ramailah yang mengeluarkan pandangan agar sesuatu fatwa itu tidak dilaksanakan, tidak adil dan zalim. Medan cemuhan pula adalah di medan sosial bukan dengan membuat representasi supaya fatwa itu dipinda sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang. Fatwa bukanlah sesuatu yang langsung tidak boleh diubah, namun terdapat cara dan adab dalam mengubah sesuatu fatwa.

9. Isu lindungi mufti

Sudah tiba masanya institusi mufti perlu dilindungi daripada terdedah dengan isu-isu yang menjadi pertikaian masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini, kata Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN) Prof Emeritus Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid. Beliau berkata, kenyataan Mufti Pahang sebelum ini berkaitan tuduhan 'kafir harbi' ke atas pemimpin politik bukan Islam dan penyokong ahli parti itu adalah sesuatu yang tidak seharusnya berlaku dan menjadi perdebatan ramai pihak di media massa. "Dalam setiap negeri hanya Sultan dan Mufti diletakkan pada kedudukan yang sangat dihormati dalam masyarakat Islam. Dan, "Jika kedudukan itu tidak dilindungi dan dijaga dua institusi itu akan dipertikai oleh masyarakat," ujarnya dalam wawancara dengan Malaysia Dateline. Beliau diminta mengulas kenyataan Mufti Pahang Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman pada 23 Jun lalu dipetik berkata, haram dan berdosa besar bagi mana-mana umat Islam yang bekerjasama atau bersekongkol dengan DAP. Sambung Mahmood Zuhdi lagi, apabila kenyataan seorang mufti menjadi bahan perdebatan banyak pihak, ia secara tidak langsung meletakkan institusi mufti itu bukan lagi ditempat yang harus dihormati. "Yang jadi mangsa bukan mufti tetapi institusi mufti itu sendiri"

10. Isu ratu cantik

Dua daripada empat gadis Muslim yang digugurkan daripada senarai akhir pertandingan ratu cantik Miss Malaysia World 2013 iaitu Wafa Johanna De Corte dan Sara Amelia Bernard, mempertikaikan keputusan melarang penglibatan mereka dalam pertandingan itu. Nama mereka dan dua lagi finalis iaitu Kathrina Rizuan dan Miea Sheikh digugurkan daripada menyertai pertandingan itu selepas penyertaan wanita Muslim dalam pertandingan tersebut telah ditegur oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Wan Zahidi Wan Teh.

Mereka menyifatkan keputusan itu adalah sebagai salah satu diskriminasi berlandaskan agama. Menurut Wafa, "Saya sangkakan akhirnya peserta Muslim akan dibenarkan menyertainya sekaligus mewakili Malaysia. Saya juga menyangkakan perkara ini adalah okay, sebab pertandingan akhir akan diadakan di Indonesia, negara yang kebanyakan penduduknya beragama Islam. "Saya tidak akan memakai pakaian renang ataupun bikini sebaliknya akan memakai pakaian sukan yang bersesuaian." Katanya.

Menurut fatwa 1996, mana mana wanita beragama Islam adalah dilarang sama sekali untuk menyertai pertandingan ratu cantik. Selain Wafa, Sara turut menyatakan perasaan terkejut serta berasa terkilan di atas penguguran namanya sebagai finalis daripada 20 peserta akhir yang telah disenarai pendek. Katanya lagi “ Kalau mereka mahu melarang kami, kenapa mereka tidak larang wanita Muslim yang mewakili negara dalam sukan renang dan gimnastik?

11. Isu Bersih

Majlis fatwa adalah kumpulan orang bijak pandai tentang hukum hasil muzakarahnya, keputusannya adalah HARAM, Yusuf Qardawi, Dr Asri, Nik Aziz, Hadi Awang dan yang lainnya yang mengatakan BERSIH tidak haram kerana ada sebab dalam agama, mereka juga orang bijak pandai akan tetapi mereka tidak ada kuasa keluaran fatwa sebab sudah ada majlis fatwa, andainya mereka-mereka ini salah seorang dari ahli majlis maka mereka mungkin menentang

Dr Asri salah seorang yang mengatakan himpunan BERSIH itu halal dengan suara yang agak tinggi mengatakan "Apa nas tak boleh mengadakan tunjuk perasaan aman? (kecuali huruhara dan merosakkan harta awam)" dan Dr Asri juga menyentuh tentang punca huruhara pada himpunan BERSIH (provokasi) yang tak sepatutnya berlaku, apabila Dr Asri berkata apa nas maka sepatutnya majlis fatwa keluaran sekali nas sebagaimana yang Dr Asri kata.

Memanglah hasil muzakarah itu menghasilkan fatwa yang patut dipatuhi akan tetapi rakyat tidak akan patuh selagi mana fatwa itu ada kekaburannya sebagaimana Tuan Guru Nik Aziz kata majlis fatwa melihat sebelah mata sahaja ertinya majlis fatwa kena buka dua belah mata dan barulah membuat keputusan sekalipun ianya pahit untuk golongan tertentu menerimanya

Nampaknya majlis fatwa gagal meneliti dan mengkaji hasil fatwa mereka secara adil, juga mereka sepatutnya meninjau pandangan pihak Bersih dan kerajaan sebelum mengeluarkan fatwa, gagal berbuat demikian bererti fatwa mereka hanya menjadi mainan rakyat dan wibawa mereka akan tercalar, sementara rakyat tidak akan memperduli terhadap fatwa mereka dan rakyat tidak juga akan dipercayai mereka lagi buat masa akan datang

Majlis tidak akan dihormati selagi ada titik-titik hitam pada fatwa mereka, mereka juga tidak boleh dipergunakan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan individu dan mana-mana kumpulan bagi meraih keuntungan moral masing-masing, majlis wajib berkecuali kerana mereka adalah milik semua pihak, andainya mereka dikehendaki membuat fatwa maka fatwa mereka hendaklah bersih dan jelas, bukan berpihak ataupun menutup sebelah mata atau memuaskan sebelah pihak sahaja

Kesimpulan

Secara ringkas, hasil daripada penelitian awal kepada media online, terdapat fatwa yang dipertikaikan dan mutakhir ini terdapat banyak pihak berminat untuk memberi ulasan dan komen terhadap isu dan permasalahan agama. Reaksi dan tingkah laku mereka dizahirkan secara on-line. Mereka terdiri daripada ahli politik, golongan profesional, ahli akademik, mahupun masyarakat awam. Justeru, berlakulah kontradiksi pada jawapan bagi permasalahan dan isu agama di kalangan masyarakat. In Sha Allah kajian lebih lanjut akan dijalankan ke atas masyarakat awam yang terlibat dengan urusan hal ehwal agama untuk melihat bagaimana reaksi dan tingkahlaku mereka dalam bidang berkaitan.

Rujukan

- Ahmad Hidayat Buang. (2004)). *Fatwa di Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1997). *Fatawa Qardhawi. Permasalahan, Pemecahan dan Hikmah*. Terj. H Abdurrachman Ali Bauzir. Sungai Tua: Al-Baz Publishing.
- Ibn al-Salah, Abu Amru Uthman. (1992). *Adab al-Fatwa wa Syurut al-Mufti Sifat al-Mustafti wa Ahkamuhu*. Kaherah: Matba'ah al-Madani.
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Siti Zalikha Md Nor. (2002). "Pembuatan dan Penulisan Fatwa di Malaysia" dlm. Siti Zalikha Md Nor et.al. (eds), *Isu Syariah dan Undang-Undang, siri 10*. Bangi: Jabatan Syariah , Fakulti Pengajian Islam. UKM.